Perkembangan Terkini Pasaran dan Pengawalseliaan dalam Bidang Aset Digital

Minat terhadap aset digital[1] pada peringkat global meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pasaran aset digital juga dicirikan oleh risiko yang tinggi berkaitan dengan volatiliti yang ketara. Selepas mencatatkan kenaikan yang berterusan sejak bulan Jun 2020, permodalan pasaran aset digital mencapai paras tertinggi sebanyak USD3.1 trilion pada bulan November 2021. Sejak itu, trend ini telah berubah arah berikutan ketidakpastian geopolitik, kenaikan kadar faedah dan tekanan inflasi. Menjelang bulan Disember 2022, permodalan pasaran aset digital berada pada USD830 bilion, menurun sebanyak 73% berbanding dengan paras tertingginya.[2] Trend kripto yang kembali menurun, yang dikenali sebagai 'musim sejuk kripto', diburukkan lagi oleh kegagalan profil tinggi termasuk kegagalan *stablecoin* TerraUSD serta kejatuhan FTX, salah satu bursa aset digital terbesar, yang menyebabkan keyakinan semakin merosot secara meluas dan mencetuskan semula kebimbangan terhadap risiko berkaitan dengan aset digital.

Limpahan daripada pembalikan kripto baru-baru ini hanya memberikan sedikit kesan kepada sistem kewangan Malaysia. Pasaran aset digital di Malaysia kekal kecil berbanding dengan pasaran kewangan domestik, serta hubung kait antara keduanya adalah terbatas. Aliran keluar deposit bersih kumulatif daripada bank-bank kepada empat bursa aset digital domestik yang dikawal selia hanya mewakili 0.6% daripada jumlah deposit sistem perbankan untuk individu pada akhir bulan Disember 2022. Minat bank untuk terlibat dalam aktiviti aset digital juga kebanyakannya masih pada peringkat kajian awal. Walau bagaimanapun, hubung kait yang semakin berkembang boleh meningkatkan risiko kestabilan kewangan.

Peningkatan penglibatan bank dalam aktiviti aset digital akan mengukuhkan hubung kait tersebut. Penglibatan bank dalam bidang aset digital boleh merangkumi pelbagai bentuk, termasuk melabur dalam aset digital, menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan aset digital seperti kustodi, perdagangan dan tokenisasi aset, atau pemberian pinjaman dengan aset digital sebagai cagaran. Semua aktiviti ini mewujudkan saluran transmisi risiko daripada pasaran aset digital kepada sistem kewangan yang lebih luas.

Kebimbangan terhadap kestabilan kewangan berkemungkinan wujud daripada beberapa sumber. Aset digital dianggap sebagai kelas aset yang baru muncul, yang prestasinya semasa tempoh tekanan masih belum diuji sepenuhnya. Terdapat banyak aset digital dicirikan oleh tahap volatiliti yang tinggi dan sukar untuk dicairkan, lantas mendedahkan bank kepada risiko pasaran dan mudah tunai yang besar. Aset digital juga sangat bergantung pada teknologi yang agak baharu dan melibatkan peserta yang tidak dikawal selia dalam ekosistem. Hal ini boleh mengakibatkan risiko operasi dan undang-undang yang lebih ketara berbanding dengan risiko yang lazimnya dikaitkan dengan produk perbankan dan model perniagaan tradisional.

Berdasarkan pertimbangan ini, Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) telah menetapkan dengan jelas olahan kehematan terhadap dedahan bank pada aset kripto[3] di bawah piawaian modal dan mudah tunai Basel (lihat Gambar Rajah 1) yang bertujuan untuk memelihara kestabilan kewangan berikutan penglibatan bank dalam aktiviti aset digital. Piawaian tersebut menerapkan prinsip 'risiko yang sama, aktiviti yang sama, tindakan yang sama', iaitu keperluan modal dan mudah tunai yang sama dikenakan ke atas dedahan dan aktiviti yang mempunyai fungsi ekonomi yang sama dan membawa risiko yang sama, tanpa mengambil kira teknologi asas. Di samping itu, piawaian itu juga mengambil kira risiko khusus berkaitan dengan ciri-ciri unik aset digital yang tidak ada dalam aset tradisional.

Penerbitan piawaian global ini akan memaklumkan usaha Bank dalam memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan untuk mengambil kira risiko yang baru muncul dalam bidang ini. Berikutan sifat dan implikasi aktiviti aset digital yang merentas sempadan, ketekalan dengan piawaian global akan menjadi

[1] Dalam rencana ini, istilah 'aset digital' dan 'aset kripto' digunakan secara silih berganti. Secara amnya, kedua-dua istilah ini merujuk perlambangan nilai dalam bentuk digital yang bergantung terutamanya pada kriptografi dan teknologi lejar teragih atau teknologi yang serupa. Contohnya termasuk *stablecoin* dan aset digital tanpa sokongan.
[2] Sumber: CoinGecko.
[3] https://www.bis.org/bcbs/publ/d545.pdf

suatu pertimbangan yang penting. Bank juga akan terus bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam memantau perkembangan berhubung dengan aktiviti berkaitan aset digital di Malaysia serta mengimbangi risiko dan peluang yang berkaitan dengan aktiviti tersebut, demi kemajuan landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Sektor Kewangan.

Gambar Rajah 1: Ringkasan Piawaian BCBS Berhubung dengan Olahan Kehematan Dedahan Aset Kripto



Berikutan perkembangan pasaran pada kadar yang pesat, Basel Committee juga akan mengeluarkan pemurnian dan penjelasan tambahan dari semasa ke semasa. Tambahan ini termasuk bagi menangani isu seperti risiko terhadap aset kripto yang menggunakan rantaian blok tanpa izin dan penentukuran had pendedahan Kumpulan 2.

Kriteria kelayakan Olahan kehematan

[1] Contohnya, ekuiti, bon dan komoditi.
[2] Kriteria termasuk pelbagai nilai ambang yang berkaitan dengan permodalan pasaran, jumlah dagangan dan pemerhatian harga yang perlu dipenuhi oleh aset kripto.

Sumber: Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) dan diringkaskan oleh Bank Negara Malaysia